

Newspaper	Berita Harian
Date	14 August 2015

# Jamin tangani isu ringgit

BH - 14/8/2015

» *Pertumbuhan 4.9 peratus bukti ekonomi negara pada landasan stabil: PM*



Najib Razak

Di kala segelintir pihak yang melakar gambaran negatif bagi keadaan ekonomi negara, laporan daripada Bank Negara Malaysia | Central Bank of Malaysia (Official) hari ini memberikan situasi sebenar di mana Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK stabil dan sederhana sebanyak 4.9% pada suku kedua 2015.

Bandingkan juga dengan negara-negara lain.

Oleh Sophia Ahmad  
sophia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan memberi jaminan akan mencuba se-berapa daya menangan- ni kejatuhan ringgit bagi men- stabilkan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Se- ri Najib Razak, berkata per- tumbuhan ekonomi negara

bagi suku kedua 2015 di- umumkan oleh Bank Negara Malaysia pada kadar 4.9 pe- ratus ketika negara berdepan cabaran faktor luaran dan da- laman termasuk lakaran ne- gatif oleh pihak tertentu ter- hadap ekonomi negara.

“Hari ini (semalam) dalam laporan terkini oleh Bank Ne- gara Malaysia menunjukkan bahawa pertumbuhan ekono-

mi tetap berada pada landasan yang stabil dengan mencatat- kan kadar pertumbuhan se- banyak 4.9 peratus pada suku kedua 2015,” katanya dalam blognya malam tadi.

## Punca ringgit jatuh

Perdana Menteri turut menye- naraikan faktor yang menye- babkan nilai ringgit menyusut iaitu:

- Tindakan kerajaan China menurunkan mata wang yuan sekali gus menyebabkan ke- jatuhan mata wang negara ASEAN yang lain;

- Penurunan harga komo- diti seperti minyak, minyak sa- wit dan getah secara menda- dak juga telah menyebabkan kejatuhan ringgit, lebih-lebih lagi kerana Malaysia adalah pengeluar komoditi-komoditi tersebut.

- Jangkaan bahawa Amerika Syarikat akan menaikkan kadar faedah membuatkan ramai pe- labur di serata dunia memin- dahkan dana mereka ke dalam mata wang Amerika Syarikat.

- Adanya mainan dan spe- kulasi politik yang keterlaluan menyebabkan sentimen yang tidak menentu terhadap pen- tabdiran negara.